

Bayaran RM4.5j jumpa Bush bukan wang kerajaan

PULAU PINANG 20 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush pada Mei 2002 membabitkan pembayaran sebanyak AS\$1.2 juta (RM4.5 juta).

Bagaimanapun, beliau menegaskan, bayaran pertemuan itu yang diatur oleh

Heritage Foundation bukan membabitkan wang kerajaan tetapi dikeluarkan oleh pihak tertentu.

"Betul, seseorang membayarnya tetapi itu bukan wang kerajaan.

"Saya tidak sentuh duit itu sama sekali. Saya percaya ada seseorang yang membayarnya kerana di Amerika Syarikat amalan-

nya memang begitu," katanya.

Dr. Mahathir diminta mengulas laporan beberapa laman web dan e-mel yang mengaitkan pertemuannya dengan Bush di White House ketika itu, diatur pihak tertentu menggunakan khidmat pelobi, Jack Abramoff.

Berikutan kejayaan Abramoff mengatur

Wm-21/2/2006
pertemuan itu, laporan berkenaan mendakwa pelobi terbabit menerima AS\$1.2 juta daripada Kerajaan Malaysia.

Dr. Mahathir berkata, ada pihak mahu beliau berjumpa Bush dengan harapan dapat mempengaruhi Presiden AS itu dalam beberapa perkara mengenai dasar luar AS, selain memperbaiki hubungan de-

ngan Malaysia.

Berikutan itu, beliau bersetuju meneruskannya setelah memikirkan pertemuan itu mampu memberi kebaikan kepada negara.

Dr. Mahathir menjelaskan, sesiapa yang mahu berjumpa dengan Presiden AS perlu menggunakan khidmat pelobi dan membuat bayaran kepada mereka.